

14 PENYAKIT BERJANGKIT DI MALAYSIA

Penyakit berjangkit disebabkan oleh mikroorganisma patogenik seperti bakteria, virus, parasit dan fungus.

Ia merebak dan menjangkiti individu secara langsung atau tidak langsung daripada satu orang kepada orang lain.

Malaysia tidak terkecuali berhadapan penularan penyakit

1 COVID-19

Penyakit ini disebabkan oleh SARS-CoV-2 yang kini menjadi pandemik di seluruh dunia.

Kemunculan pertamanya disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, China.

Virus ini semakin ganas dengan kemunculan beberapa varian seperti varian membimbangkan (VOC) dan varian mempunyai kepentingan (VOI).

Kes ini masih menular di Malaysia. Lebih 2.5 juta rakyat Malaysia dijangkiti virus ini selain merekodkan puluhan ribu kematian.



Struktur virus krononavirus SARS-CoV-2

2 VIRUS NIPAH

Penyakit misteri ini menggemparkan negara dan meragut nyawa 105 orang.

Virus mula menular di Kampung Sungai Nipah dan Bukit Pelandok, Negeri Sembilan pada 1999.

Wabak ini dikaitkan dengan gangguan pada sistem pernafasan babi dan ada kalanya membabitkan gangguan



Henipavirus

HARIAN METRO
(21/11/2021) M


4 SELESEMA BURUNG

Wabak ini disebabkan oleh virus Avian Influenza A (H5N1).

Namun, virus yang biasa menjangkiti manusia adalah H1N1, H1N2 dan H3N2.

Penyakit ini menyebabkan batuk dan selesema ringan. Ada kalanya mengakibatkan keadaan lebih teruk kepada kanak-kanak, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit tertentu.

Malaysia diisytiharkan bebas wabak ini pada 5 Januari 2005.



ternakan haiwan berkenaan.
Malaysia diisytiharkan
bebas virus nipah
pada awal 2001.


3 INFLUENZA A (SELESEMA BABI)

Sejenis penyakit sistem pernafasan yang biasanya berlaku kepada babi.

Ia menjangkiti manusia daripada babi yang dijangkiti virus berkenaan.

Jika wabak ini menjangkiti pesakit kronik, ia boleh menyebabkan penyakit itu bertambah teruk seperti radang paru-paru dan kegagalan sistem pernafasan.

Kes pertama disahkan berlaku di Malaysia pada 15 Mei 2009 hingga Jun 2010, yang merekodkan 15,000 kes dengan 88 kematian.



Virus H1N1




5 PENYAKIT PERNAFASAN AKUT TIMUR TENGAH (MERS-COV)

Penyakit pernafasan yang disebabkan oleh virus korona.

Kes pertama dikesan pada 2018 membabitkan seorang lelaki berusia 55 tahun selepas pulang daripada mengerjakan umrah.

Gejala Mers-Cov ialah demam, batuk dan kesukaran bernafas.

Namun, cara jangkitan sebenar wabak ini masih belum dikenal pasti.



6 PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)

Penyakit ini terjadi kepada kanak-kanak yang menyebabkan lepuhan di mulut, tapak tangan, jari tangan dan tapak kaki.

Ia berjangkit melalui sentuhan secara langsung dengan lelehan air hidung, tekak, air liur dan cecair daripada lepuhan najis individu dijangkiti.

Jarang berlaku komplikasi tetapi boleh menyebabkan jangkitan pada otak, paru-paru dan jantung yang membawa kepada kematian.

berjangkit ini yang menjadi ancaman kesihatan awam. Pesakit dijangkiti penyakit berjangkit perlu mendapatkan rawatan segera bagi mengelakkan gejala teruk yang boleh menyebabkan maut.

Infografik minggu ini berkongsi 14 jenis penyakit berjangkit di Malaysia.

0 41AD
LS 28 1/2 2a




Mycobacterium Tuberculosis




Virus H5N1



Virus Hepatitis






Krononavirus
Mers-Cov



Cocksackievirus A16



Vibr
Chole



Virus Denggi D



BAGAIMANA DENGGI DISEBARKAN?

- 1 Aedes menggigit individu yang dijangkiti denggi.



- 2 Aedes menggigit individu yang terinfeksi virus denggi.

7 TIBI

Berpunca daripada jangkitan kuman bakteria 'Mycobacterium tuberculosis'.


Ia disebarkan melalui udara apabila pesakit yang mempunyai kuman yang aktif, batuk.

Organ utama yang biasa dijangkiti ialah paru-paru.

Boleh merebak ke otak, tulang, kelenjar limfa, buah pinggang dan kulit.

Tibi yang tidak dirawat boleh menyebabkan kematian.

Jangkitan melalui udara yg mengandungi titisan Mycobacterium tuberculosis



11 BATUK KOKOL

Berpunca daripada bakteria pertusis yang menjangkiti kerongkong dan saluran pernafasan penghidapnya.

Penyakit ini lebih serius dihidapi bayi berusia kurang enam bulan.

Sejak vaksin diperkenalkan, kes batuk kokol berjaya dikurangkan dan tidak lagi menjadi punca kematian ramai kanak-kanak.



Bordetella Pertussis

8 HEPATITIS

Satu penyakit keradangan hati akibat jangkitan virus Hepatitis A, B, C, D atau E.

Virus Hepatitis A dan E biasanya berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar dan tidak membawa kepada penyakit yang kronik.

Virus Hepatitis B, C dan D berjangkit melalui darah atau cecair badan boleh menyebabkan penyakit kronik.

Ia menjadi punca utama kepada sirosis (parut) hati dan barah hati.



Virus Measles

12 CAMPAK

Jangkitan akut kepada kanak-kanak disebabkan oleh virus measles.

Mudah menjangkiti orang lain melalui titisan cecair daripada mulut dan hidung ketika bercakap, batuk serta bersin.

Antara komplikasinya ialah jangkitan pada telinga, jangkitan paru-paru, jangkitan otak dan kes serius boleh membawa maut.

KOMPLIKASI



CARA JANGKITAN
Makanan atau air yang tercemar dengan najis atau muntah pesakit taun

9 TAUN/KOLERA

Penyakit bawaan makanan dan air disebabkan jangkitan bakteria 'vibrio cholera' yang mengakibatkan cirit-birit teruk.

Pesakit berisiko meninggal dunia sekiranya tidak mendapatkan rawatan apabila mengalami gejala serius.

Satu kes terbunuh dikesan berlaku di Petaling, Selangor.

Vibrio Cholerae

Protein E

Lapisan bilipid

RNA

Jangkitan DEN 1

DENGGI

Dilaporkan mula dikesan di Malaysia pada 1902.

Penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes Aegypti dijangkiti. Demam denggi berdarah boleh menyebabkan pesakit meninggal dunia.


Setakat 16 November lalu, jumlah kes denggi ialah 22,515.

10

2 Aedes menghisap darah bersama virus denggi dan mengambil masa lapan hingga 10 hari untuk peneraman virus berkenaan

3 Nyamuk dijangkiti virus denggi menggigit individu lain.

4 Individu berkenaan dijangkiti denggi dalam tempoh empat hingga 13 hari kemudian



Parasit Malaria merosakkan sel darah merah

13

MALARIA

Berpunca daripada gigitan nyamuk tiruk betina (anopheles) yang membawa parasit malaria (plasmodium sp).

Parasit ini hidup dalam sel darah merah pesakit dan akan merosakkannya, lalu boleh mengakibatkan maut jika lewat dirawat.

Individu dijangkiti malaria akan mengalami gejala seperti demam panas, berpeluh, menggigil, sakit kepala, sakit otot, loya, muntah dan cirit-birit.



HIV BOLEH DIJANGKITI MELALUI



Hubungan seks



Semasa hamil atau bersalin dan penyusuan ibu



Suntikan penggunaan dadah

VIRUS KURANG IMUN MANUSIA (HIV)

Serangan virus ini sudah menjadi barah di Malaysia dan dunia.

Mula dikesan di Malaysia pada 1986 dan meningkat mendadak pada 1990.

Dianggarkan 77 peratus pesakit HIV di Malaysia berusia antara 20 hingga 40 tahun, berpunca daripada hubungan seks bebas.

Hingga Kini, tiada rawatan khusus merawat penyakit berkenaan.

14



HIV-1